

## BAB 1:

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Sesungguhnya Allah s.w.t telah menurunkan al-Quran al-karim sebagai petunjuk kepada seluruh hamba-Nya ke arah mengenali jalan yang sebenar menuju keredhaan-Nya. Firman Allah s.w.t;

**إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هُوَ أَكْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ**

لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Ertinya; Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Agar manusia dapat memahami petunjuk ini, Allah s.w.t telah memilih bahasa Arab sebagai perantaraan kalam-Nya yang azali dengan para hamba-Nya.

الرَّ تِلْكَ ءَايَتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

(surah Yusuf: 1 dan 2 )

Ertinya: Alif, Laam, Raa'. inilah ayat-ayat kitab Al-Quran yang menyatakan kebenaran. Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Dengan hikmah yang dikehendaki oleh-Nya, al-Quran yang menjadi hidayah ini diturunkan dengan kepelbagaian bacaan. Kepelbagaian ini dikenali di sisi ulama Islam sebagai qira'at. Oleh kerana bahasa Arab telah terpilih menjadi perantaraan, tentunya kepelbagaian ini turut memberi kesan kepada bahasa al-Quran itu sendiri.

Kajian terhadap al-Quran dari pelbagai aspek dan sudut adalah keutamaan bagi hampir keseluruhan ulama Islam sepanjang zaman. Ia merupakan manifestasi kepada keprihatinan umat Islam kepada kalam tuhan mereka.

Di antara aspek yang tidak terkecuali daripada fenomena tersebut ialah aspek qira'at dan bahasa dalam al-Quran. Qira'at dan bahasa Arab serta hubungan erat antara keduanya telah menarik para pengkaji samada pengkaji al-Quran atau bahasa Arab untuk diteliti dan diselidiki.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Al-Quran al-karim merupakan kitab suci yang menempatkan kalam Allah s.w.t, yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, dengan bahasa Arab sebagai medium. Allah s.w.t telah meletakkan kefahaman terhadap kitab-Nya bergantung pada bahasa Arab sepertimana firman-Nya dalam surah Yusuf ayat kedua . Jesteru, seseorang tidak mungkin memahami kehendak-Nya yang terkandung dalam al-Quran kecuali setelah menguasai bahasa Arab. Dengan kata lain, bahasa Arab adalah kunci kepada memahami ayat-ayat al-Quran.

Pemahaman al-Quran memerlukan ilmu bahasa Arab yang mendalam dari semua aspek. Tanpanya atau sebahagian darinya, penafsiran yang dibuat akan pincang dan tidak menepati maksud yang dikehendaki. Kebanyakan kumpulan-kumpulan sesat sepanjang sejarah umat Islam, seperti Khawarij, Muktazilah dan Musyabbihah berpegang kepada tafsiran-tafsiran yang menyeleweng, yang berpunca dari implementasi ilmu bahasa Arab yang salah ketika penafsiran dibuat.

Oleh itu, tidak hairanlah jika ulama-ulama mensyaratkan seorang yang ingin menafsir al-Quran hendaklah mengetahui ilmu bahasa Arab seperti nahu, morfologi, balaghah secara mendalam.<sup>1</sup> Ini kerana kebergantungan al-Quran yang amat kuat kepada bahasa Arab untuk difahami.

Kebergantungan kepada ilmu bahasa Arab turut dikesan dalam ilmu qira'at al-Quran. Ini jelas terutama apabila para ulama qira'at menyatakan bahawa, sebarang qira'at tidak diterima kecuali dengan tiga syarat, antaranya tidak menyalahi tatabahasa Arab.<sup>2</sup>

I'rab merupakan salah satu aspek dalam ilmu bahasa Arab yang amat terkesan dengan kepelbagaian bacaan al-Quran atau qira'at. Bahkan tidak sedikit ulama yang menyatakan bahawa, i'rab adalah salah satu dari al-ahruf al-sab'at yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis berkenaan qira'at.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Zarkasyiy, Badr al-Dīn Muhammad bin Abdullah (2003). *al-Burhān fi 'Ulūm al -Qur'ān*. Arab Saudi: Dar 'Alam al-Kutub. Juz. 2 Hal. 155

<sup>2</sup> Ibnu al-Jazariy, Syams al-Dīn Muhammad bin Muhammad (t.t). *Munjid al-Mugri'in Wa Murshid al-Talibin*. Kaherah: Maktabah al-Qudsi. Hal. 23

<sup>3</sup> Ibnu al-Jazariy (1998). *al-Nashr Fī al-Qira'at al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 1 Hal. 28

Kedudukan i‘rab sebagai salah satu dari al-aḥruf as sab‘at menunjukkan posisi i‘rab yang cukup penting dalam memahami qira’at. Jesteru, posisi i‘rab ini perlu diberi perhatian sewajarnya dalam kajian yang berkaitan dengan qira’at. Jika perbezaan i‘rab yang berlaku dalam qira’at tidak dapat dirungkai rahsianya, terutama dari sudut implikasi yang timbul, tentunya qira’at akan dianggap sebagai kepelbagaiannya bacaan semata-mata tanpa signifikan yang lain. Maha suci Allah s.w.t dari perbuatan yang sia-sia.

Sebagai contoh, ayat 119 dari surah al-Ma’idah:

قَالَ اللَّهُ هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنَهَرُ خَلَدِينَ



Fihā ākīdā رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ  
Ertinya; Allah berfirman: "Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar".

Imam Nafi‘ membaca (يَوْمٌ) dengan baris atas kerana i‘rab al-zarfiyyat. Manakala ulama qira’at yang lain membacanya dengan baris depan berdasarkan ia adalah mutbada’ dan (هَذَا) ialah khabarnya.

Bacaan imam Nafi' menunjukkan bahawa firman Allah s.w.t tadi berlaku ketika hari tersebut. Tetapi bacaan imam-imam lain pula membawa erti Allah s.w.t bercerita mengenai hari tersebut.<sup>4</sup>

Tanpa pemahaman tentang dua bacaan tersebut, maka tiada kepentingan kedua-dua qira'at tadi kecuali kepelbagaian dari sudut bacaan sahaja. Tetapi sekiranya perbezaan i'rab di atas disingkap kesan dan signifikannya, maka nilai dan kehendak Allah s.w.t di sebaliknya dapat difahami oleh hamba-Nya.

Justeru, adalah perlu kajian seumpama ini dilakukan agar situasi di atas tidak hinggap di batang tubuh umat Islam, insya Allah.

### **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai signifikannya yang tersendiri. Sebagaimana yang tertera di dalam permasalahan kajian, masyarakat termasuk yang berlatarbelakangkan pengajian Islam, meminggaikan ilmu bahasa Arab dari pengajian al-Quran dan qira'at. Oleh itu, kajian ini akan mengembalikan perspektif yang pernah wujud di kalangan masyarakat terhadap bahasa Arab sepihama umat Islam terdahulu.

Begini juga, kajian ini akan membuka mata golongan yang berkecimpung dalam bidang al-Quran dan qira'at agar tidak menyingkirkan ilmu bahasa Arab dalam pengajian mereka, bahkan menganggapnya sebahagian dari al-Quran itu sendiri.

---

<sup>4</sup> Muhammad Salim Muhsin (1989). *al-Mustanīr Fi Takhrīj al-Qira'at al-Mutawātirat*. Beirut: Dar al-Jil, Hal. 148

Pada masa yang sama, kajian ini akan menyuntik semangat kepada pelajar-pelajar Islam pengkhususan bahasa Arab apabila mereka mengetahui bahawa kepentingan bahasa Arab tidak hanya kerana ia salah satu bahasa di dunia ini, bahkan turut sama menyumbang kepada sebahagian dari ilmu-ilmu Islam, bahkan kepada sumber utama agama Islam, al-Quran.

Di samping itu, kajian ini akan menambahkan lagi khazanah di perpustakaan-perpustakaan Islam di dalam bidang bahasa Arab dan qira'at khasnya. Tidak ketinggalan, bidang hubungan bahasa Arab dengan ilmu-ilmu Islam dan sumbangannya turut diperkaya dengan kajian ini.

Dari sudut yang lain, kajian ini adalah salah satu kesinambungan usaha umat Islam dan ulamanya sepanjang zaman, memberi khidmat bakti mereka kepada kalam Tuhan sekelian alam Allah s.wt.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi menetapkan hala tuju kajian ini, beberapa objektif telah ditentukan. Ia adalah seperti berikut:

- i. Menjelaskan secara umum perihal qira'at dan bahasa Arab serta hubungan antara keduanya.
- ii. Menghuraikan secara khusus makna i'rab, kepentingan dan hubungannya dengan qira'at serta kesannya terhadap makna.

- iii. Menganalisis sejauhmana kesan kepelbagaian i‘rab dalam qira’at tujuh dengan tumpuan analisis kepada surah al-Baqarah.

## 1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini memberi penumpuan kepada kepelbagaian i‘rab dan kesannya dalam qira’at tujuh sahaja. Ini bermaksud pengkaji tidak memperinci kepelbagaian lain yang turut timbul dalam qira’at tujuh, walaupun ia mempunyai kaitan dan kesan tersendiri dari sudut bahasa Arab.

Di samping itu, i‘rab yang dikaji ialah i‘rab yang melibatkan perbezaan baris akhir. I‘rab jenis ini hanya berlaku akibat kepelbagaian qira’at al-Quran. Jesteru, perbezaan i‘rab tanpa perubahan baris akhir diketepikan. Ini kerana i‘rab jenis ini tidak berkait secara langsung dengan kewujudan qira’at.

Pengkaji dalam kajian ini, memilih qira’at tujuh yang mutawatir, sekaligus tidak akan menyentuh qira’at empat mutawatir yang lain dan qira’at syazzah. Istilah qira’at tujuh, qira’ah empat dan syazzah adalah mengikut definisi ulama qira’at.

Fokus analisis mengenai kepelbagaian i‘rab dalam qira’at tujuh akan diberi kepada surah al-Baqarah sahaja. Pada masa yang sama, surah terbabit akan tertumpu pada perkataan-perkataan tertentu, yang berbeza dari sudut baris i‘rabnya sebagaimana yang tertera dalam ilmu qira’at tujuh. Walaupun begitu, kajian ini turut memuatkan sebilangan ayat-ayat dari surah-surah lain sebagai contoh dan hujah kepada fakta-fakta yang dikemukakan.

Analisis kepelbagaian i‘rab dalam surah al-Baqarah turut menyentuh aspek qira’at, tatabahasa dan penafsiran pada setiap satu i‘rab yang wujud.

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dilakukan ini adalah kajian perpustakan. Untuk merealisasikan objektif kajian, pengkaji akan mengaplikasi beberapa metode, antaranya metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### **1.6.1 Metode Pengumpulan Data**

Data-data diperolehi dengan mengambilkira dua aspek:

a. Data primer

Data primer dikumpul daripada ayat-ayat al-Quran secara amnya, dan dari surah al-Baqarah khususnya, yang terkesan secara langsung dengan qira’at tujuh terutamanya dari sudut baris i‘rab. Pengumpulan data ini dibuat dengan bantuan kitab-kitab qira’at, nahu dan i‘rab al-Quran.

b. Data sekunder

Data ini dikutip dari rujukan-rujukan yang pelbagai, yang mempunyai kaitan langsung dan tidak dengan ilmu qira’at, bahasa Arab, i‘rab, dan hubungan di antara kesemuanya.

Rujukan ini termasuklah dalam bidang al-Quran dan ulumnya, sintaksis Arab, linguistik Arab dan tafsir.

### **1.6.2 Metode Analisis Data**

Setelah kesemua data-data diperolehi, pengkaji akan membuat analisis dan kajian terhadap data-data terbabit melalui tiga metode analisis:

a. Metode induktif

Ia merupakan suatu pendekatan yang menganalisa data melalui cara berfikir dan mencari bukti daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk membuat sesuatu rumusan yang bersifat umum.

Di dalam kajian ini pengkaji akan mengambil beberapa contoh ayat yang mempunyai kepelbagaiian i‘rab untuk penelitian. Hasil penelitian akan diolah dalam bentuk kesimpulan untuk ayat-ayat lain yang seumpamanya.

b. Metode deduktif

Ia adalah satu kaedah membuat kesimpulan daripada kenyataan dan fakta yang umum kepada kenyataan atau konklusi yang bersifat khusus.

Antaranya kenyataan bahawa perubahan i‘rab akan membawa kepada perubahan makna. Dari kenyataan ini, penulis menyimpulkan secara dasar bahawa perubahan baris dalam qira’at turut membawa perubahan dari sudut maksud sesuatu ayat.

c. Metode komparatif

Ia merupakan satu cara mengeluarkan konklusi berdasarkan perbandingan dan pertimbangan kepada data-data yang tertentu semasa pemerhatian dalam kajian dilakukan.

Kajian ini melibatkan rujukan yang pelbagai dari pelbagai bidang ilmu. Namun pengkaji hanya menurunkan kesimpulan dan dapatan yang terhasil dari pertimbangan pengkaji terhadap rujukan-rujukan yang digunakan.

### **1.7 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU**

Kajian-kajian yang berkaitan dengan qira’at telah banyak ditulis dan diterbitkan oleh para pengkaji dahulu dan kini seperti Ibnu al-Jazariy dengan kitabnya *Taqrib al-Nasyr Fi al-Qira’at al-‘Asyr*, Ibnu Mujahid dengan kitab *al-Sab‘at fi al-Qira’at*, Abdul Halim Qabah dengan kitab *al-Qira’at al-Qur’aniyyat* dan Muhammad Salim Muhaisin dengan *al-Tazkirat fi al-Qira’at al-Thalathat al-Mutawatirat*.

Walaupun banyak kajian mengenai qira’at telah dibuat, tetapi kajian yang menyentuh bidang hubungannya dengan ilmu bahasa Arab amat terhad, bahkan di Malaysia ia hampir tidak diketahui.

Antara kajian berkenaan ialah kajian yang menyentuh aspek fonetik dalam qira'at. Zaharom bin Ridzuan (2006) dalam disertasi sarjananya ‘Qiraat Hafs: Satu Kajian Fonetik’ telah membincangkan beberapa aspek bacaan dalam qira'at Hafs yang dipengaruhi oleh unsur-unsur fonetik. Dapatan kajiannya menunjukkan unsur fonetik dalam qira'at Hafs amat terhad iaitu bacaan *Tashīl*, *Naqal*, *Imālah*, *Isymam* dan *Raum* yang terdapat pada satu tempat sahaja. Manakala hukum Saktah terdapat pada empat tempat yang wajib dibaca dan satu tempat harus. Namun, dapatan kajian ini kurang tepat mengikut perspektif ulama-ulama qira'at yang terkenal.

Terdapat sebuah lagi kajian di dalam bidang yang sama iaitu ‘Al-Qira'at al-Qur'aniyyah Sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab’ disertasi sarjana di fakulti Bahasa dan Linguistik oleh Emran b. Hj Bakar (1995). Kajian ini tertumpu kepada kepelbagaian fonologi yang wujud di dalam bacaan al-Quran, yang dikenali sebagai qira'at. Kajian ini cenderung kepada cara pembacaan al-Quran dan sejauhmana alasannya.

Bidang lain dalam bahasa Arab yang mendapat perhatian pengkaji ilmu qira'at ialah morfologi. Abdul Qadir Sulaiman (2006) dalam tesis sarjana di Universiti Islam Antarabangsa ‘Perbezaan Morfologi Dalam Qira'at Sepuluh yang Mutawatir: Kajian Terperinci Dari Sudut Morfologi Dan Makna’, telah mengutarakan hubungan morfologi dengan makna dalam konteks sesuatu ayat. Hasil dari kajian tersebut telah menunjukkan bahawa perbezaan morfologi di dalam qira'at sepuluh membawa kepada perbezaan makna ayat al-Quran mengikut penggunaannya. Selain itu, kajian mendapati bahawa qira'at sepuluh sememangnya kaya dengan pelbagai aspek morfologi untuk dipelajari.

Aspek sintaksis juga turut mendapat bahagian dalam kajian bidang hubungan qira'at dengan ilmu bahasa Arab. Antara kajian tersebut ialah tesis doktor falsafah yang disempurnakan oleh Siti Saudah bt Haji Hassan (1991) tajuknya ‘Pembinaan Tatabahasa Arab Berasaskan Qira’at’. Beliau dalam kajiannya ini telah membincangkan perspektif para tokoh nahu terhadap qira’at sebagai sumber asas pembentukan ilmu nahu. Kajiannya menunjukkan bahawa sebahagian tokoh dari Madrasah Basrah telah menolak qira’at sebagai sumber asas nahu. Mereka yang menerima, iaitu dari Madrasah Kufah dan sebilangan kecil dari Madrasah Basrah, telah mengambilnya dalam dua bentuk: membentuk kaedah nahu atau menyokong kaedah sedia ada, dan kedua menolak kaedah yang menyalahi qira’at.

Namun setakat pengetahuan pengkaji, kajian mengenai hubungan tatabahasa Arab terutama i‘rab dengan qira’at belum lagi ditulis, terutama melibatkan kesannya dalam konteks makna ayat-ayat al-Quran yang terbabit. Kajian yang dilakukan oleh Siti Saudah bt Haji Hassan (1991) walaupun membincangkan mengenai hubungan tatabahasa Arab dengan qira’at, tetapi ia melihat dari sudut yang berbeza iaitu qira’at sebagai sumber tatabahasa Arab. Manakala kajian ini menfokus kepada analisis fenomena perbezaan i‘rab yang sedia wujud dalam qira’at al-Quran.

## **1.8 CADANGAN KANDUNGAN**

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab disusun dengan teratur supaya dapat membicarakan tajuk-tajuk yang berkaitan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Pembahagian bab-bab untuk kajian ini adalah seperti berikut:

Bab pertama kajian ini menerangkan mengenai latar belakang permasalahan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi dan rangka kajian serta kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan.

Bab kedua pula akan membicarakan dua aspek penting kajian ini sebagai pengenalan. Dua aspek itu ialah qira'at dan ilmu bahasa Arab. Keduanya akan diterangkan melalui takrif, perkembangan sejak awal kemunculannya hingga matang dan perkara yang berkaitan dengannya. Bab ini diakhiri dengan hubungan di antara keduanya.

Manakala bab ketiga tertumpu kepada satu aspek khusus dalam bahasa Arab yang menjadi fokus utama kajian ini, iaitu i'rāb. Definisi i'rāb dan perbandingan antaranya dengan nahu adalah pembuka bab ini. Ia kemudiannya dituruti dengan hubungan antara i'rāb dan qira'at serta kesan kepelbagaiannya dalam qira'at.

Bab keempat dibina berdasarkan analisis ayat-ayat surah al-Baqarah yang mengandungi perbezaan i'rāb kerana qira'at tujuh. Ayat-ayat ini dianalisis berdasarkan tatabahasa dan penghasilan makna. Di samping itu, bab ini juga akan memperkenalkan secara ringkas surah al-Baqarah.

Bab kelima yang merupakan bab terakhir akan merumuskan dapatan kajian dan kesimpulan penting yang telah diperoleh sepanjang kajian. Bab ini juga akan diakhiri dengan beberapa saranan bagi memperkembangkan lagi bidang ini serta beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik yang ingin meneruskan penyelidikan dalam bidang ini pada masa hadapan.

## **1.9 KESIMPULAN**

Kajian yang akan dijalankan ini adalah di bawah bidang bahasa Arab dalam ilmu-ilmu Islam. Ia memberi tumpuan kepada hubungan tatabahasa Arab khususnya i‘rab dengan qira’at. Analisis akan dibuat terhadap fenomena kepelbagaian i‘rab yang terdapat dalam qira’at dengan surah al-Baqarah sebagai subjek serta kesannya. Adalah amat diharapkan, kajian ini dapat mengapai matlamat dan objektif yang telah digariskan.